



KERAJAAN NEGERI KELANTAN IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan :

- 1 JAWATAN : : PENOLONG PEGAWAI SYARIAH
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN : LS29
GRED GAJI : GAJI MINIMUM GAJI MAKSIMUM KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,494.00 RM5,674.00 RM145.00
SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c.
 - i. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji Permulaan pada Gred LS29 : RM1,494.00); atau
 - ii. Diploma dalam bidang pengajian islam (syariah) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred LS29 : RM1,772.65).
- SYARAT KELAYAKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya BAHASA MELAYU Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

: Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Syariah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a.
 - i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
 - ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
- b. had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- 2 JAWATAN : : PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
- GRED JAWATAN : N19
- GRED GAJI : GAJI MINIMUM GAJI MAKSIMUM KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,352.00 RM4,003.00 RM100.00
- SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a. warganegara Malaysia; dan
 - b. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c.
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00) atau
 - ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40) atau
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)
- SYARAT KELAYAKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya
- BAHASA MELAYU : Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- SYARAT PENINGKATAN : Tiada
- SECARA LANTIKAN